



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Unit Sukan

d/a Pusat Kecemerlangan Sukan Westlands,  
Jalan Padang Victoria,  
10400 Pulau Pinang

Tel : +604 228 5831 / 3858

Faks : +604 228 6248

Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPNPP(SUK)600-2/5 JLD.6 (59)  
Tarikh : 28 Mei 2018

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Tuan,

### **JR.NBA COACHES ACADEMY – LAWATAN JURULATIH KE SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas, berkaitan dengan surat kementerian KPM.600-7/1/5 Jld 13 (100) bertarikh 18 Mei 2018 yang dilampirkan bersama-sama ini.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) tiada halangan serta mengambil maklum tentang program susulan **Jr. NBA Coaches Academy** bagi murid dan guru yang dijalankan oleh Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA) dengan kerjasama NBA Asia secara **PERCUMA** di sekolah bawah seliaan tuan seperti dalam **Lampiran A** (no. 151 - 290) mulai bulan Mei sehingga 29 Julai 2018.

3. Untuk makluman tuan, lawatan berkenaan yang dianggotai oleh **jurulatih antarabangsa NBA** dan **jurulatih negeri/kebangsaan** yang diiktiraf oleh MABA bertujuan untuk membimbing para guru Pendidikan Jasmani dan guru penasihat kelab tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) permainan Bola Keranjang secara efektif dan menyeronokkan pada waktu Pendidikan Jasmani dan kokurikulum. Sekolah yang terlibat (**Lampiran A**) dikehendaki berhubung dengan penyelar program, Cik Corrine Ho di talian 017-8126771, emel [corrine@eplusglobal.com](mailto:corrine@eplusglobal.com) untuk penetapan jadual pelaksanaan program atau melaporkan waktu PdP/ latihan kelab yang telah dirancang untuk lawatan jurulatih dalam kumpulan *WhatsApp Nba\_Penang*.

4. Sehubungan dengan itu, jasa baik dan kerjasama tuan adalah dimohon untuk memaklumkan program ini kepada semua Pengetua/ Guru Besar serta menggalakkan penglibatan murid dan guru sekolah di daerah tuan dalam sesi Lawatan Jurulatih Ke Sekolah. Bagi sekolah yang tidak disenaraikan terutamanya sekolah SK/ SJK/ SMK yang tidak dapat menghantar guru untuk menyertai Bengkel *Jr. NBA Coaches Academy* yang telah berlangsung sepanjang hari pada 4 Mei 2018 di SMJK Jit Sin, boleh menghubungi sekolah yang berhampiran (**Lampiran A**) untuk susun aturkan penglibatan bersama sesi berkenaan atau berhubung dengan penyelar program untuk urusan selanjutnya.

5. Bersama-sama ini disertakan maklumat lanjut berkenaan program *Jr. NBA Coaches Academy Reward* dalam **Lampiran B**, Rumusan Kehadiran Bengkel *Jr. NBA Coaches Academy* 2018 di Pulau Pinang dalam **Lampiran C**, dan **brosur** Program *Jr. NBA* 2018 Malaysia untuk rujukan tuan selanjutnya. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Cik Chong Kwang Yen di talian 04-2285832 / 016-4159434, emel [unitsukan@jpnpp.edu.my](mailto:unitsukan@jpnpp.edu.my).

~~Malaysia - Pelayan Pendidikan - Penerimaan Dikawatani~~

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



Kerjasama dan sokongan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”**

Saya yang menurut perintah,



**( MOHD JAMIL BIN MOHAMED )**

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

No. Tel : 04-6521050

No. Faks : 04-6582500

E-mel : jamil.mohamed@moe.gov.my

s.k. Pengarah Bahagian Sukan, KPM  
Ketua Sektor Pengurusan Akademik (u.p.: Penolong Pengarah PJKP)  
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah  
Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan  
Ketua Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas  
Ketua Unit Sukan